

PILIHAN RAYA DAN TINGKAH LAKU PENGUNDI DALAM PRU 2008: KAJIAN KES DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, MALAYSIA

*Mohd Azri bin Ibrahim
Sity Daud*

Abstrak

Artikel ini membincangkan tingkah laku politik dengan memfokuskan kepada tingkah laku pengundi dalam sistem pilihan raya demokrasi. Prinsip asas yang menunjangi sistem demokrasi ialah hak rakyat untuk memilih kerajaan, iaitu kerajaan yang akan memerintah menerusi amalan pilihan raya yang adil, bebas dan telus. Penulisan ini telah memilih tingkah laku pengundi-pengundi di Wilayah Persekutuan Labuan menerusi pilihan raya umum (PRU) 2008 sebagai kajian kes. Pilihan raya di Malaysia menunjukkan bahawa tingkah laku pengundi boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kredibiliti calon, pegangan agama, kekuatan parti, kedudukan ekonomi, kepentingan isu dan sebagainya. Makalah ini berusaha untuk mengenal pasti keutamaan tingkah laku pengundi di Wilayah Persekutuan Labuan berdasarkan tiga pendekatan iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan, pilihan rasional. Objektif utama makalah ini adalah mengkaji tingkah laku pengundi semasa proses pilihan raya berdasarkan tiga pendekatan tersebut dan kaitannya dengan kesedaran politik, penyertaan politik, sumber maklumat dan isu-isu pilihan raya. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif dan kuantitatif dalam mendapatkan data yang berkaitan dengan pilihan raya. Sebagai rumusan, tingkah laku pengundi dalam proses pilihan raya merupakan suatu tindakan yang boleh dipengaruhi oleh aspek sosial, politik dan ekonomi serta kaitannya dengan sumber maklumat dan isu-isu pilihan raya.

Kata kunci: *Demokrasi, pilihan raya, tingkah laku pengundi, identifikasi parti, parti politik, Wilayah Persekutuan Labuan.*

Abstract

This article is about political voting behavior in a democratic system of government. The main pillar of democracy is the people's right to choose government through fair, free and transparent elections. This is a case study of voting behavior in the Federal Territory of Labuan based on the 2008 general election. The elections in Malaysia have shown that the voting behaviour can be influenced by several factors, namely the credibility of the candidates, religious belief, party unity, economic stability, importance of the issue and so on. This article seeks to identify the priority of voting behavior in Labuan Island based on three main approaches, which are the sociological approach, party identification approach and rational choice approach. The main objective of this paper is to study the behavior of voters during the electoral process using these three approaches and its relation to political awareness, political participation, information resources and electoral issues. This article employs research methods that are both qualitative and quantitative in obtaining data related to the elections. In summary, the voting behaviours during the electoral process can be influenced by the social, political and economic factors related to sources of information and electoral issues.

Keywords: *Democracy, election, voting behavior, party identification, political party, Federal Territory of Labuan.*

Pendahuluan

Pilihan raya diadakan bertujuan memilih kerajaan yang akan mentadbir negara. Bermakna, dalam sesebuah negara demokrasi, pembentukan kerajaan yang akan memerintah negara ditentukan oleh proses pilihan raya umum yang diadakan secara berkala. Menerusi pilihan raya, rakyat boleh menggunakan hak dan peluang tersebut untuk memberi mandat kepada parti-parti politik yang bertanding memerintah negara. Artikel ini membincangkan bagaimana proses pilihan raya dan pengundian

ini telah mewujudkan hubungan simbiosis di antara rakyat yang memilih dengan parti yang dipilih untuk memerintah. Lebih penting lagi, dalam menghujahkan sistem demokrasi dan pilihan raya sebagai suatu hubungan yang saling berkait antara satu sama lain, artikel ini turut memperlihatkan pengundi mempunyai pilihan dan kecenderungan yang berbeza-beza terhadap parti-parti politik yang bertanding. Walaupun undian adalah hak setiap pengundi, terdapat aspek-aspek lain yang boleh mempengaruhi pola pengundian tersebut, terutamanya yang melibatkan perkara-perkara berkaitan kaum, kesetiaan terhadap parti, isu-isu yang dibangkit, sentimen calon atau parti, ekonomi, pembangunan, kekeluargaan dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan pola pengundian. Bagi tujuan ini, artikel ini akan dibahagikan kepada empat bahagian utama. Pertama, tinjauan berhubung dengan kerangka konseptual tingkah laku pengundi dalam pilihan raya. Kedua, perbincangan tentang perkembangan pilihan raya di Malaysia dengan penekanan terhadap tindak balas yang disebabkan oleh faktor-faktor yang boleh mempengaruhi tingkah laku pengundi berdasarkan perkembangan pilihan raya di Malaysia serta fokus terhadap pilihan raya umum 2008. Ketiga, kes Labuan dengan penekanan terhadap tingkah laku pengundi yang mempengaruhi undian mereka dalam PRU- 12. Akhir sekali, kesimpulan yang memperlihatkan kepentingan dan signifikan kajian ini terhadap perkembangan politik semasa negara dan pengembangan dalam bidang ilmu sains politik.

Pendekatan Tingkah Laku Pengundi

Pendekatan tingkah laku politik melibatkan penyelidikan tentang sesuatu permasalahan yang penting dan spesifik serta kaitannya dengan proses politik yang lebih luas dalam sesebuah negara. Merujuk kepada penglibatan masyarakat dalam kegiatan politik seperti parti, pilihan raya, kerajaan dan sebagainya, Barbrook (1975) menegaskan bahawa kajian yang melibatkan tingkah laku politik adalah penting dalam sesebuah masyarakat dan memerlukan analisis yang kritikal. Flanigan & Zingale (1975) pula mengaitkan tingkah laku politik dengan pilihan raya. Beliau berpendapat bahawa tingkah laku politik dalam pilihan raya

memberikan impak yang besar dalam pengundian dan sikap pengundi. Napolitan (1972) menghujahkan pilihan raya sebagai kaedah bagi seseorang calon untuk memperoleh kemenangan menerusi persaingan antara calon-calon atau parti politik yang bertanding.

Bowman & Boynton (1974) menjelaskan bahawa konsep budaya politik dapat memberi pemahaman terhadap tingkah laku sebenar masyarakat, terutamanya dari aspek kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam politik. Eulau (1967) pula melihat bahawa kajian politik akan melibatkan idea, nilai, adat, simbol, institusi, proses dan polisi. Elemen-elemen politik ini akan melibatkan tingkah laku manusia (*human action*) bagi memastikan sesebuah negara ditadbir dengan baik. Bermakna, tingkah laku pengundi dalam pilihan raya boleh dipengaruhi oleh proses sosialisasi seperti keluarga, sekolah, rakan dan persekitaran yang boleh menentukan pola pengundian mereka dalam membuat pilihan semasa pilihan raya. McDonald (1965) pula menjelaskan tingkah laku manusia dalam politik boleh dikawal menerusi peraturan, undang-undang dan perlembagaan tetapi tetap wujud tingkah laku secara semula jadi dalam politik seperti hak asasi manusia. Barrie (1997) dan Roskin (2000) pula melihat aspek yang berkaitan dengan prinsip demokrasi sebagai persamaan, perwakilan, kedaulatan, hak dan kebebasan, iaitu prinsip asas sistem politik demokrasi seperti hak rakyat untuk mengundi. Segall (1976) menjelaskan dari aspek psikologi, seseorang manusia akan bertindak berasaskan kepada keperluan dan tindakan ini akan berkaitan dengan keputusan politik yang akhirnya membawa kepada pembentukan polisi oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat.

Curtice (2002) menjelaskan bahawa pilihan raya akan memberi maklumat kepada kita tentang perkara-perkara baharu dan penting serta dapat meningkatkan pemahaman terhadap tingkah laku pengundi. Oleh itu, pendekatan-pendekatan tingkah laku pengundi dalam pilihan raya seperti identifikasi parti, pilihan rasional dan sosiologikal dapat berperanan dalam politik menerusi tingkah laku pengundi dalam proses pengundian. Curtice juga mencadangkan agar sesuatu yang bermanfaat dapat dicapai dengan melihat atau menilai pendekatan Michigan (1952),

terutamanya yang berkaitan dengan identifikasi parti dan rasionaliti dalam pengundian.

Campbell (1960) menjelaskan tingkah laku pengundi berdasarkan kepada pendekatan psikologikal dan sosiologikal. Menurut Campbell, “*voting may tell about the psychology and sociology of human choice*” dan beliau menambah “*from initial efforts to understand voting behavior two major current of thought have emerged, one primarily sociological, the other more psychological in emphasis.*” Abramson, Aldrich & Rohde (1982) pula telah menjelaskan tentang tingkah laku pengundi dalam proses pilihan raya Presiden di Amerika Syarikat. Mereka telah menerangkan tentang pendekatan yang boleh dilihat untuk mengkaji tingkah laku pengundi dalam pilihan raya. Menurut mereka;

“...the voting decisions can be studied from at least three theoretical perspectives – first, individuals can be viewed primarily as members of social groups; second, is approach emphasizes psychological variable (party identification) and third, approach to voting decisions draws heavily upon the study of economics – according to this perspective, voters weigh the cost of voting against the expected benefits of voting when deciding whether or not to go to the polls.”

(Abramson, Aldrich & Rohde, 1982: 73-74).

Seterusnya, Ghazali Mayudin (2006) telah membincangkan aspek yang berkaitan dengan demokrasi dan pilihan raya di Malaysia, iaitu dari aspek tingkah laku pengundi. Menurut Ghazali, terdapat tiga pendekatan yang boleh dilihat dalam kajian tentang kelakuan mengundi atau pola pengundian iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional. Beliau menambah, ketiga-tiga pendekatan ini boleh dikaji dan dianalisis berdasarkan kepada proses pilihan raya di Malaysia kerana ketiga-tiga pendekatan tersebut berkaitan antara satu sama lain dan relevan dalam konteks pilihan raya di Malaysia. Barry (1970) menjelaskan dua pendekatan utama iaitu pendekatan ekonomi dan sosiologi dalam menerangkan sistem politik demokrasi di sesebuah negara dan kaitannya dengan aspek isu dan tingkah laku pengundi (*voting decisions*) terutamanya di Amerika Syarikat.

Berdasarkan kepada pendekatan dalam tingkah laku pengundi, pendekatan pilihan rasional dapat dirumuskan menerusi kajian Gomez (1990) telah menjelaskan tentang pengaruh perniagaan dan ekonomi dalam parti politik telah menyebabkan keahlian dan sokongan terhadap sesebuah parti politik bertambah. Colomer (1991) dalam kajiannya pula menjelaskan pendekatan pilihan rasional dalam tingkah laku pengundi adalah berkaitan dengan elemen keuntungan dan kos. Kedua-dua elemen ini akan dinilai oleh pengundi, terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi iaitu hasil atau manfaat yang diperoleh kesan daripada undian mereka. Begitu juga kajian Pattie, Fieldhouse & Johnston (1995) yang melihat dari aspek pilihan seseorang pengundi dan kedudukan ekonomi dalam pilihan raya di Britain pada tahun 1992. Kajian ini mendapati bahawa faktor-faktor ekonomi terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi atau pembangunan tempatan sangat mempengaruhi pengundian, terutamanya kepada pengundi yang berpendapatan rendah dan kurang mendapat pembelaan oleh kerajaan akan cenderung mengundi parti pembangkang.

Pendekatan identifikasi parti dilihat sangat relevan dalam proses pengundian. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kajian Triling (1976) pula yang melihat aspek berkaitan dengan imej terhadap parti dan kaitannya dengan pendekatan identifikasi parti dalam pilihan raya dan Franklin (1985) menjelaskan di Britain, wujud aspek penilaian terhadap parti-parti politik dalam menghadapi pelbagai isu dalam negara. Oleh itu, setiap parti politik akan bersedia terhadap isu-isu tersebut bagi mendapatkan keyakinan dan sokongan pengundi kepada parti politik mereka. Bagi Miller & Britto (1986), kajiannya mendapati bahawa pendekatan identifikasi parti sangat dominan dalam pilihan raya di Britain (*mid-term perspective 1965-1974*) apabila data menunjukkan kolerasi antara tingkah laku pengundi dengan identifikasi parti. Selain pendekatan pilihan rasional dan identifikasi parti, pendekatan sosiologikal juga dapat dikaitkan dengan tingkah laku pengundi. Perkara ini dapat dijelaskan menerusi kajian Grunberg (1988) yang memberi penekanan kepada aspek kumpulan sosial dalam mempengaruhi tingkah laku pengundi di Perancis. Beliau melihat wujud hubungan antara kelas

dalam kumpulan-kumpulan sosial dengan pengundian terutamanya yang melibatkan pekerja dan golongan yang tidak bekerja dan Hayer (1997) dalam kajiannya yang berkaitan dengan gender dan feminisme serta kaitannya dengan tingkah laku pengundi dalam pilihan raya di Britain. Beliau mendapati bahawa golongan pro-feminisme akan lebih cenderung mengundi Parti Konservatif berbanding dengan parti-parti lain.

Berdasarkan kepada huraian konseptual dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pendekatan-pendekatan dalam tingkah laku pengundi, maka dapat dirumuskan bahawa ketiga-tiga pendekatan tingkah laku pengundi iaitu pilihan rasional, sosiologikal dan identifikasi parti berdasarkan terutamanya kajian Ghazali adalah penting dalam memahami sikap pengundi semasa proses pilihan raya. Hal ini demikian kerana menerusi pemahaman terhadap pendekatan tingkah laku pengundi tersebut, ia akan dapat memberi maklumat dan kefahaman yang lebih jelas terhadap pola pengundian seseorang pengundi. Ia juga dapat dinilai dan dianalisis sebagai suatu respons politik oleh pengundi terhadap dasar, polisi, isu dan sebagainya dalam proses pengundian mereka.

Perkembangan Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pengundi di Malaysia

Perkembangan pilihan raya di Malaysia ini telah menunjukkan perubahan dan tindak balas terhadap tingkah laku pengundi yang disebabkan oleh faktor-faktor yang boleh mempengaruhi perubahan pengundian menerusi isu-isu politik dan pilihan raya berdasarkan pilihan raya umum. Jadual 1 menunjukkan keputusan pilihan raya umum kerusi Dewan Rakyat dari tahun 1955 sehingga 2008. Parti Barisan Nasional (BN) (dulunya dikenali dengan Parti Perikatan) telah berjaya memenangi kesemua pilihan raya umum yang diadakan di Malaysia, manakala barisan pembangkang pula tidak pernah berjaya untuk menubuhkan kerajaan.

Jadual 1

Perbandingan keputusan pilihan raya umum 1955-2008 kerusi
Parlimen mengikut Parti BN, pembangkang dan calon bebas

Tahun/ Parti	Barisan Nasional	Barisan Pembangkang	Calon Bebas	Parti Kerajaan	Jumlah Kerusi
1955	51 (89.08%)	1 (1.92%)	-	BN	52
1959	74 (71.15%)	30 (28.85%)	-	BN	104
1964	89 (85.57%)	15 (14.43%)	-	BN	104
1969	66 (63.46%)	38 (36.54%)	-	BN	104
1974	135 (87.66%)	19 (12.34%)	-	BN	154
1978	130 (84.41%)	24 (15.59%)	-	BN	154
1982	132 (85.71%)	14 (9.10%)	8 (5.20%)	BN	154
1986	148 (83.61%)	25 (14.13%)	4 (2.26%)	BN	177
1990	127 (70.55%)	49 (27.23%)	4 (2.22%)	BN	180
1995	162 (84.37%)	30 (15.63%)	-	BN	192
1999	148 (76.68%)	45 (23.32%)	-	BN	193
2004	198 (90.82%)	20 (9.17%)	1 (1%)	BN	219
2008	140 (63.06%)	82 (36.93%)	-	BN	222

Sumber: Suruhanjaya Pilihanraya: Laporan Pilihanraya Umum 1955 - 2008

Pilihan raya umum yang pertama diadakan di Malaysia adalah pada tahun 1955, iaitu pilihan raya yang dilihat sebagai platform penting untuk Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada British. Kesediaan British untuk mengadakan pilihan raya merupakan satu kejayaan moral kepada Tanah Melayu dalam usaha menuntut kemerdekaan. Berdasarkan kajian lepas dan analisis pilihan raya ini, jelas menunjukkan bahawa pola pengundian pengundi lebih cenderung untuk memilih parti politik yang dapat memberi jaminan dan janji kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Hal ini dapat dibuktikan apabila majoriti pengundi Melayu, Cina dan India telah memberi undian mereka kepada parti politik gabungan Melayu (UMNO), Cina (MCA) dan India (MIC), iaitu Perikatan dan dapat dibuktikan dengan keputusan pilihan raya umum tersebut yang menyaksikan Perikatan berjaya memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Parti PAS dan parti-parti politik lain juga menjanjikan kemerdekaan tetapi jaminan dari Parti Perikatan lebih meyakinkan pengundi akan kemerdekaan tersebut,

terutamanya melibatkan kerjasama politik pelbagai kaum di Tanah Melayu pada waktu itu. Hal ini menunjukkan bahawa tingkah laku pengundi pada pilihan raya umum pertama negara lebih menjurus kepada soal tuntutan kemerdekaan dan Parti Perikatan telah berjaya meyakinkan pengundi sehingga parti tersebut mencapai kemenangan yang cukup besar.

Pilihan raya tahun 1964 telah diwarnai dengan isu konfrontasi Malaysia dan Indonesia. Konfrontasi ini adalah rentetan daripada penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 yang menyaksikan Sabah, Sarawak dan Singapura menyertai idea gagasan Malaysia. Menurut Ghazali (2006), penubuhan Malaysia dalam tahun 1963 yang diikuti konfrontasi dengan Indonesia menjadi isu dominan yang telah dieksploitasi dengan berkesan oleh Perikatan bagi meraih sokongan dan undi serta diperbesarkan agar rakyat menolak parti pembangkang. Kejayaan terhadap gagasan Malaysia telah memberi kelebihan kepada Perikatan untuk mendapat sokongan pengundi. Di samping itu, sokongan masyarakat Malaysia menunjukkan di tahun-tahun awal kemerdekaan rakyat dan pengundi di Malaysia masih kuat menyokong agenda pembangunan dan kerjasama politik antara kaum yang diwakili oleh Parti Perikatan. Keadaan ini telah digunakan sepenuhnya oleh Perikatan untuk mendapatkan sokongan undi semasa pilihan raya umum 1964 dan berjaya memenangi pilihan raya tersebut dengan memenangi sebanyak 89 kerusi daripada 104 kerusi yang dipertandingkan.

Pilihan raya umum 1969 pula menunjukkan perubahan pola sokongan pengundi berbanding pilihan raya sebelumnya, terutamanya perubahan sokongan terhadap parti-parti pembangkang. Perubahan ini telah menimbulkan sentimen perkauman sehingga tercetus peristiwa 13 Mei yang memperlihatkan berlakunya rusuhan kaum. Parti politik seperti DAP dan PPP telah berjaya menggunakan isu perkauman untuk menarik sokongan dan undi pengundi Cina, manakala PAS pula telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kedudukan ekonomi orang Melayu bagi mendapatkan sokongan atau undi daripada pengundi Melayu. Parti Perikatan berusaha untuk

meredakan bahana kempen tetapi sentimen perkauman pada pilihan raya umum 1969 sangat kuat. Situasi ini berbeza dengan pilihan raya umum sebelumnya terutamanya pilihan raya umum 1955, 1959 dan 1964 yang memperlihatkan isu-isu yang menyentuh perkauman tidak menonjol berbanding semasa pilihan raya umum 1969. Keadaan ini adalah disebabkan oleh gelombang isu sentimen perkauman yang kuat, terutamanya oleh parti pembangkang serta beberapa kegagalan kerajaan menjaga dan membela kebajikan atau kepentingan setiap kaum di Malaysia. Menurut Ghazali (2006), isu dan sentimen perkauman telah mengalihkan sokongan pengundi kepada parti yang jelas pendiriannya tentang isu yang melibatkan kaum dan menolak parti yang mengambil jalan tengah dan sederhana seperti Perikatan.

Pilihan raya umum 1974 dilihat sebagai pilihan raya ‘perdamaian’ bagi parti politik Melayu apabila berlakunya kemasukan parti pembangkang iaitu PAS dalam parti komponen Barisan Nasional (Ariff, 1978). Kerjasama politik antara BN dan PAS telah mewujudkan suasana politik yang lebih tenteram tanpa isu-isu perkauman yang menebal berbanding ketika pilihan raya umum 1969. Hal ini demikian kerana Parti MCA dan MIC boleh menerima kemasukan Parti PAS dalam BN berdasarkan kerjasama politik yang ditunjukkan semasa menghadapi pilihan raya umum 1974. Kerjasama UMNO dan PAS dalam komponen BN telah memberi kemenangan mudah kepada BN apabila pola pengundian pengundi Melayu terus kepada BN. Hal ini disebabkan tidak terdapat satu parti politik yang kuat dan berpengaruh untuk menandingi kekuatan dan pengaruh UMNO dan PAS. Oleh itu, sokongan dan undi daripada pengundi Melayu secara dasarnya telah memihak kepada BN yang juga mendapat sokongan daripada pengundi Cina menerusi parti politik MCA dan pengundi India menerusi parti politik MIC. Kejayaan BN jelas membuktikan bahawa sokongan yang padu oleh pengundi Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain di Sabah dan Sarawak memihak kepada BN. Kejayaan BN dalam pilihan raya umum 1974 telah diteruskan dengan kejayaan yang cukup membanggakan dalam pilihan raya-pilihan raya berikutnya iaitu pada tahun 1978, 1982 dan 1986. Walaupun PAS bertindak mengisytiharkan

keluar daripada kerajaan campuran Barisan Nasional pada tahun 1978 dan berjuang sebagai parti pembangkang, tiga pilihan raya umum berikutnya secara jelas memperlihatkan pola pengundian pengundi di Malaysia lebih cenderung kepada Parti BN berbanding parti-parti politik pembangkang. Rizal dan Jumaat (2002) dalam kajiannya mendapati bahawa politik etnik masih wujud pada pilihan raya di Malaysia terutamanya selepas pilihan raya umum 1999 dan mereka mendapati bahawa faktor etnik didapati masih relevan dalam pola pengundian di Malaysia.

Menjelang pilihan raya umum 1990, beberapa isu besar terpaksa dihadapi oleh BN. Krisis kepimpinan UMNO misalnya menyebabkan tertubuhnya parti politik baharu iaitu Semangat 46. Kes ini bermula apabila berlaku pertembungan antara Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah semasa pemilihan jawatan Presiden UMNO pada tahun 1987. Kemenangan Dr. Mahathir dengan majoriti tipis iaitu 43 undi telah menimbulkan konflik perundangan terhadap UMNO apabila 11 orang ahli UMNO telah memfailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi memohon pemilihan UMNO tidak sah dan terbatal. Pada 1988, mahkamah telah memutuskan bahawa UMNO telah dibatalkan pendaftarannya kerana wujud beberapa cawangan yang tidak didaftarkan dan dianggap tidak sah di bawah Akta Pertubuhan 1966. Akhirnya, Dr. Mahathir telah mendaftar UMNO sebagai UMNO Baru, manakala Tengku Razaleigh pula menubuhkan parti baharu iaitu Semangat 46.

K keadaan ini sedikit banyak menyebabkan keahlian UMNO telah berpecah dan menjadi isu utama semasa kempen pilihan raya umum 1990. Parti Semangat 46 telah bekerjasama dengan parti pembangkang seperti PAS bagi mewujudkan gabungan Angkatan Perpaduan Ummah dan juga Gagasan Rakyat Malaysia. Walaupun UMNO dan BN terpaksa menghadapi pilihan raya umum 1990 dengan pelbagai isu dan kempen oleh pembangkang, tetapi BN telah berjaya memenangi 127 kerusi daripada 180 kerusi yang dipertandingkan, sekali gus membolehkan BN terus kekal memerintah Malaysia. Angkatan Perpaduan Ummah

iaitu gabungan antara PAS dan Semangat 46 telah berjaya merampas Kelantan daripada BN. Menurut Ghazali (2006) secara umumnya kejayaan BN pada pilihan raya umum 1990 banyak didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu sekitar 8 peratus selama tujuh tahun berturut-turut sehingga tahun 1994. Situasi ini menunjukkan walaupun wujud isu utama perpecahan UMNO, keyakinan rakyat atau pengundi terhadap keupayaan dan kemampuan BN telah menjadi asas kepada pengundi untuk terus mengekalkan pola kesetiaan mereka kepada BN berbanding parti-parti pembangkang.

Kejayaan BN mengurus ekonomi dan menjaga kebajikan rakyat telah diterjemahkan menerusi kemenangan 162 kerusi daripada 192 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum 1995. Pertambahan kemenangan kerusi Parlimen pada pilihan raya umum 1995 jelas membuktikan bahawa pengundi telah mengundi BN kerana asas kejayaan ekonomi negara serta keyakinan terhadap kemampuan BN mentadbir Malaysia. Senario ini jelas menunjukkan bahawa kejayaan ekonomi negara telah mendorong pengundi yakin terhadap Kerajaan BN dan terus mengundi parti tersebut dalam pilihan raya umum. Walaupun terdapat isu-isu lain yang dibangkitkan semasa kempen, keyakinan dan kerasionalan pengundi tetap terhadap BN.

Isu pemecatan Anwar Ibrahim dan gerakan reformasi yang dicetuskan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri ini telah memberi kesan yang cukup besar dalam pilihan raya umum 1999, terutamanya kepada UMNO dan BN. Peristiwa ini telah digunakan sepenuhnya oleh parti-parti pembangkang untuk bersatu dalam Barisan Alternatif semasa menghadapi BN pada pilihan raya umum 1999. Akhirnya, keputusan pilihan raya telah menunjukkan berlaku kemerosotan undi dan bilangan kerusi berbanding pilihan raya umum 1995 apabila BN berjaya memenangi 148 kerusi daripada 193 kerusi yang dipertandingkan. Terengganu telah berjaya ditawan oleh Parti PAS dan terus mengekalkan pemerintahannya di Kelantan. Berdasarkan pilihan raya dan keputusan pilihan raya umum 1999, jelas menunjukkan sokongan pengundi masih tetap kepada BN tetapi di beberapa negeri dan kawasan pilihan raya jelas

menunjukkan pola pengundian yang berubah kepada parti pembangkang dan antara faktor yang mengubah pola pengundian ini adalah isu pemecatan Anwar Ibrahim. Secara umumnya, Yusof & Azlan (2002) mendapati bahawa pilihan raya umum 1999 telah memperlihatkan pola pengundian oleh pengundi banyak dipengaruhi oleh isu-isu yang dibangkitkan, terutamanya isu yang berkaitan dengan kaum, agama, rasuah, ketelusan, isu Anwar, budaya dan lain-lain berbanding dengan pendekatan identifikasi parti yang kurang menonjol.

Kemerosotan undi dan bilangan kerusi oleh BN pada pilihan raya umum 1999 telah ditebus kembali oleh BN dalam pilihan raya umum 2004. Pilihan raya umum 2004 merupakan pilihan raya pertama di bawah kepimpinan baharu negara yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kemunculan kepimpinan baharu dan tamatnya era pemerintahan Tun Dr. Mahathir yang memerintah semasa 22 tahun telah mewujudkan satu gelombang kebangkitan UMNO dan BN berbanding pilihan raya-pilihan raya umum sebelumnya. Ketokohan dan gaya kepimpinan Pak Lah telah berjaya mengembalikan kecenderungan rakyat dan pengundi untuk menyokong BN. Hasilnya, pada pilihan raya umum 2004, BN telah berjaya memenangi 198 kerusi daripada 219 kerusi Parlimen yang dipertandingkan serta kembali menawan negeri Terengganu walaupun terus gagal merampas Kelantan daripada PAS. Menurut Ghazali (2006), gaya kepimpinan dan tindakan yang dibuat Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri baharu telah melahirkan apa yang dikenali sebagai rasa senang dan selesa. Hal ini menunjukkan bahawa faktor sosiologikal menerusi kepimpinan atau calon seperti Pak Lah berjaya meningkatkan sokongan pengundi terhadap parti BN, di samping kejayaan ekonomi dan kekuatan terhadap identifikasi parti.

Proses pilihan raya dan tingkah laku pengundi seharusnya ditinjau menerusi situasi semasa bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas. Oleh itu, huraian berikutnya adalah berdasarkan kepada isu-isu dan faktor-faktor yang memperlihatkan kecenderungan terhadap tingkah laku pengundi dalam pilihan raya umum 2008 (PRU-12).

Analisis Isu dan Tingkah Laku Pengundi PRU ke-12

Kejayaan dan kebangkitan sokongan terhadap BN pada pilihan raya umum 2004 tidak dapat diteruskan pada pilihan raya umum 2008. Kenyataan ini dapat dibuktikan apabila BN gagal meraih kemenangan 2/3 majoriti di Dewan Rakyat. Walaupun berjaya membentuk kerajaan di peringkat pusat, BN tewas di beberapa buah negeri seperti di Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan gagal merampas Kelantan. Kegagalan BN diikuti oleh kejayaan di pihak parti-parti politik pembangkang seperti PAS, DAP dan PKR menerusi gagasan Pakatan Rakyat. Situasi ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang menyumbang kepada perubahan sokongan pengundi terhadap BN dan Pakatan Rakyat.

Faktor Pak Lah yang dilihat sebagai penyumbang utama kejayaan BN pada pilihan raya 2004 telah gagal pada pilihan raya umum 2008. Sifat keterbukaan yang diamalkan oleh Pak Lah telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak pembangkang untuk membangkitkan pelbagai isu dan perkara yang sebelum ini dianggap sensitif. Menurut Zainal Keling (2008), pada masa yang sama juga berlakunya kenaikan harga minyak dunia yang terus memberi kesan kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Situasi kenaikan harga minyak telah mendedahkan rakyat kepada kenaikan harga barang yang merupakan sesuatu yang sangat sensitif kepada masyarakat dan juga akan menyumbang kepada kenaikan harga barang pengguna yang menjadi sumber yang amat subur untuk dimainkan sebagai isu dalam PRU ke-12 (Zainal Keling, 2008). Masyarakat dan pengundi yang juga merupakan pengguna telah melihat dan menilai isu kenaikan harga sebagai sesuatu yang tidak wajar dan salah pada ketika ketidaktentuan ekonomi negara dan juga ekonomi pengguna.

Pada pilihan raya umum 2008, terdapat dua isu yang sangat dominan berlaku sebelum pilihan raya umum diadakan, selain daripada kenaikan kos sara hidup masyarakat. Kedua-dua isu tersebut telah mendapat liputan yang sangat meluas oleh pihak media cetak dan elektronik serta media siber. Dua isu tersebut ialah pendedahan klik video Linggam yang dianggap cuba mengatur pelantikan Ketua

Hakim Negara dan peristiwa perarakan kaum India yang ditunjangi oleh kumpulan Hindraf. Kedua-dua isu ini telah digunakan oleh pihak pembangkang untuk menunjukkan kerajaan di bawah kekuasaan BN mengamalkan rasuah dalam pelantikan Hakim Negara serta tindakan kerajaan yang tidak menjaga kebajikan dan kepentingan kaum India di Malaysia. Kumpulan Hindraf beranggapan kerajaan dan BN gagal memajukan dan membangunkan masyarakat kaum India yang dilihat masih jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek.

Isu yang boleh dianggap dominan sebelum dan semasa pilihan raya umum 2008 dan juga antara faktor perubahan landskap politik di Malaysia ialah isu Anwar Ibrahim. Kemunculan Anwar Ibrahim dalam kancas politik dan pilihan raya pada 2008 telah membawa perubahan kepada politik di Malaysia terutamanya yang melibatkan kerjasama parti-parti politik pembangkang iaitu PAS, DAP dan PKR. Oleh itu, faktor Anwar Ibrahim telah mempengaruhi dan mewarnai perkembangan serta keputusan pilihan raya umum 2008. Kepimpinan dan keupayaan Anwar menerusi kerjasama politik parti-parti pembangkang telah mewujudkan bentuk persaingan politik menerusi pilihan raya yang lebih terbuka, iaitu pilihan pengundi antara BN dan Pakatan Rakyat (PAS, DAP dan PKR). Persaingan sebegini seolah-olah telah mewujudkan sistem dua parti di Malaysia.

Isu sosial terutamanya yang berkaitan dengan soal keselamatan dan jenayah turut menyumbang kepada kebangkitan kuasa rakyat dalam pilihan raya umum 2008. Isu keselamatan dan jenayah telah menghantui masyarakat Malaysia, terutamanya yang melibatkan nyawa, harta benda, keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya. Peningkatan kadar jenayah dan paparan-paparan kejadian jenayah menerusi media cetak dan elektronik telah menjadi igauan buruk dalam kalangan pengundi dan masyarakat di Malaysia. Jenayah bunuh, rogol, culik, ragut, rompakan, pecah rumah, ugut dan samun telah menjadikan kehidupan masyarakat terancam dan tidak wujud suasana keharmonian dalam kehidupan. Keadaan ini telah menyebabkan perasaan risau dan marah mulai wujud dalam diri setiap anggota masyarakat termasuk dalam

kalangan pengundi. Menurut Zainuddin Mahmud (2008), percambahan jenayah juga merupakan masalah bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Oleh itu, ancaman jenayah dan pendatang tanpa izin telah mewujudkan perasaan tidak selesa dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana kebimbangan terhadap ancaman jenayah seperti rompakan, culik, ragut, pecah rumah dan sebagainya.

Isu pembangunan dan perpaduan sering digunakan oleh kerajaan dan BN setiap kali menjelang pilihan raya umum. Kejayaan negara dan kehidupan yang harmoni antara semua kaum dan dalam kalangan anggota masyarakat telah dipromosikan kepada rakyat atau pengundi. Langkah ini bagi memastikan sokongan pengundi terus kekal kepada parti kerajaan iaitu BN. Ternyata bahawa isu ini telah mendapat perhatian dan sokongan pengundi untuk terus memberi undian mereka kepada parti kerajaan atau BN. Kejayaan BN untuk terus memerintah negara Malaysia telah membuktikan bahawa pendekatan isu pembangunan dan perpaduan kaum dalam kerjasama politik BN terus mendapat sokongan dan keyakinan dalam kalangan pengundi untuk terus mengundi parti tersebut. Oleh itu, pendekatan yang digunakan oleh BN dengan mengutarakan isu yang agak dekat dengan rakyat atau pengundi seperti isu pembangunan dan perpaduan terus mendapat sokongan daripada rakyat atau pengundi.

Pola pengundian kaum Cina telah beralih daripada menyokong parti politik MCA atau Gerakan (BN) kepada menyokong parti politik pembangkang iaitu DAP dan PKR. Perubahan pola pengundian ini dapat dibuktikan apabila sebahagian besar calon MCA dan Gerakan kalah kepada calon dari DAP dan PKR. Malah, bilangan calon DAP dan PKR yang menang dalam pilihan raya umum bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri jelas menunjukkan bilangannya lebih ramai berbanding calon MCA dan Gerakan. Begitu juga kekalahan BN di beberapa buah negeri yang mempunyai bilangan pengundi atau masyarakat Cina yang ramai seperti di Pulau Pinang, Selangor dan Perak serta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh itu, secara umumnya dapat dirumuskan bahawa pola pengundian bagi sebahagian besar pengundi Cina telah beralih kepada parti pembangkang.

Perubahan pola pengundian yang ketara oleh pengundi Cina dalam pilihan raya umum 2008 adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang antaranya ialah kedudukan ekonomi, peluang perniagaan, perkauman dan kerjasama yang baik antara parti-parti pembangkang.

Pilihan raya umum 2008 juga telah memperlihatkan pola pengundian oleh pengundi Melayu yang bercampur-campur disebabkan wujudnya parti-parti politik yang berasaskan kaum Melayu seperti UMNO, PAS dan PKR. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan kepada sokongan pengundi Melayu terhadap UMNO, PAS dan juga PKR. Kekalahan beberapa nama besar pemimpin Melayu yang bertanding menentang calon Melayu dari PAS atau PKR adalah antara bukti bahawa di sesetengah kawasan pilihan raya, pola undian oleh pengundi Melayu telah berubah kepada parti pembangkang seperti di kawasan Parlimen Shah Alam, Lembah Pantai dan Titiwangsa. Keadaan ini berlaku disebabkan pengundi Melayu telah berpecah antara Parti BN dan juga PAS/PKR, serta pada masa yang sama pengundi bukan Melayu (terutamanya pengundi Cina) lebih memihak kepada parti pembangkang iaitu PAS/PKR yang merupakan parti gabungan dalam gagasan Pakatan Rakyat. Namun begitu, secara keseluruhannya, pengundi Melayu masih tetap setia dan yakin terhadap Parti UMNO apabila masih ramai calon UMNO yang berjaya memenangi kerusi pilihan raya baik di Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri serta kejayaan UMNO memerintah Malaysia menerusi kerjasama politik BN.

Umum mengetahui bahawa kekuatan BN dalam pilihan raya umum 2008 banyak dibantu oleh kerusi-kerusi yang disumbangkan oleh negeri Sabah dan Sarawak. Malah, jika diperhatikan, kemenangan 59 kerusi Dewan Undangan Negeri di Sabah oleh BN daripada 60 kerusi yang dipertandingkan jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar pengundi di Sabah tetap setia menyokong atau mengundi BN. Begitu juga kejayaan BN memenangi 24 daripada 25 kerusi Parlimen yang dipertandingkan di Sabah. Hal yang sama turut berlaku di Sarawak apabila BN berjaya memenangi 30 kerusi Parlimen daripada 31 kerusi yang dipertandingkan. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa

pola pengundian oleh pengundi-pengundi di Sabah dan Sarawak masih tetap cenderung kepada parti BN berbanding dengan parti pembangkang. Perubahan yang ketara terhadap tingkah laku pengundi dalam PRU-12 pada hakikatnya hanya berlaku di Semenanjung Malaysia tetapi tidak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh itu, huraian dan analisis terhadap situasi ini seharusnya dijelaskan. Perbincangan berikutnya adalah berdasarkan kajian tingkah laku pengundi dan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku ini dalam pilihan raya di Pulau Labuan.

Latar Belakang dan Tingkah Laku Pengundi di Labuan

Pulau Labuan merupakan wilayah kedua di Malaysia selepas Kuala Lumpur yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan. Pulau Labuan sebelum menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan merupakan salah satu wilayah dalam pentadbiran dan penguasaan negeri Sabah. Pada mulanya, cadangan meletakkan Pulau Labuan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah diumumkan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Mohd. Salleh selepas mesyuarat BN di Kuala Lumpur pada 1 Ogos 1983. Pengisytiharan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan Labuan akan dapat menjamin kemajuan, pembangunan dan kesejahteraan masyarakat dan negara. Dewan Undangan Negeri Sabah telah bersidang pada 8 Mac 1984 untuk meluluskan Enakmen Wilayah Persekutuan Labuan 1984 (*Federal Territory of Labuan Enactment*, 1984). Pada 16 April 1984, Wilayah Persekutuan Labuan ditubuhkan secara rasminya mengikut Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984.

Secara keseluruhannya, Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai keluasan 9,179 hektar yang mana meliputi Pulau Labuan itu sendiri dan beberapa buah pulau lain seperti Pulau Daat, Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar, Pulau Papan, Pulau Rusukan Kecil dan Pulau Burung. Pulau Labuan mempunyai keluasan 8,752 hektar yang merupakan tempat pentadbiran dan petempatan utama bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Pulau Burung sebagai contoh adalah

pulau yang paling kecil dan hanya berkeluasan 3 hektar, berbanding dengan pulau-pulau yang lain.

Bilangan penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan berdasarkan kepada kumpulan-kumpulan etnik menerusi bancian penduduk 2010 menunjukkan jumlah penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan adalah berjumlah 86,908 orang yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza. Bancian ini juga menunjukkan terdapat beberapa kumpulan etnik yang utama menetap di Wilayah Persekutuan Labuan seperti Melayu, Dusun, Kadazan, Cina, Bajau dan Murut. Bilangan penduduk bumiputera adalah seramai 74,764 atau 86.02 peratus orang dan 12,144 orang atau 13.97 peratus adalah penduduk bukan bumiputera. Bilangan penduduk bagi kumpulan etnik Melayu adalah paling ramai menetap di Labuan iaitu seramai 30,001 orang dan diikuti dengan kumpulan etnik Cina iaitu seramai 10,014 orang, manakala India pula adalah seramai 641 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Kedudukan Pulau Labuan telah memberi banyak kelebihan dan keunikan seperti sebagai status pelabuhan bebas cukai, Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC), khazanah sejarah dan tempat-tempat pelancongan yang menarik.

Kajian yang dijalankan di Labuan ini melibatkan bilangan responden seramai 310 orang pengundi. Selain itu, 21 orang telah ditemu bual secara intensif iaitu bersemuka dengan responden terlibat. Pulau Labuan dijadikan sebagai lokasi kajian kerana kedudukannya yang berhampiran dengan Sabah, berbanding dengan Semenanjung serta statusnya sebagai Wilayah Persekutuan yang kedudukannya sama taraf dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan yang berteraskan kuantitatif, iaitu kaedah yang melibatkan analisis dan huraian berdasarkan kepada data-data yang diperolehi melalui soal selidik dan kaedah persampelan dilakukan secara rawak. Kajian ini telah menetapkan unit analisis adalah terdiri daripada pengundi-pengundi yang telah mengundi bagi kerusi Parlimen Labuan dalam pilihan raya umum ke-12 yang lalu. Pada masa yang sama juga, unit analisis ini juga telah melibatkan individu-individu


yang ditemu bual iaitu pengundi, pemimpin setempat dan pemimpin nasional. Dapatan kajian dan analisis terhadap tingkah laku pengundi di Pulau Labuan seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Purata peratusan berdasarkan pendekatan pola pengundian

Pendekatan Tingkah Laku Pengundi/Tahap	Sangat Setuju/ Setuju	Tidak Pasti	Sangat Tidak Setuju/ Tidak Setuju
Sosiologikal	45.98%	21.45%	32.91%
Identifikasi Parti	61.79%	22.9%	15.31%
Pilihan Rasional	73%	17%	9%

Berdasarkan Jadual 2, didapati pendekatan pilihan rasional merupakan pendekatan yang paling signifikan dan dominan dalam tingkah laku pengundi oleh pengundi di Labuan iaitu dengan purata peratusan sebanyak 73 peratus. Pendekatan identifikasi parti pula di tempat kedua tertinggi dengan 61.79 peratus dan pendekatan sosiologikal pula sebanyak 45.98 peratus sahaja. Analisis ini menunjukkan bahawa seseorang pengundi boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalam pendekatan tingkah laku pengundi. Dapatan ini secara jelas menunjukkan pengundi-pengundi di Labuan semasa pilihan raya umum 2008 lebih melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan nilai faedah atau keuntungan sebagai asas pengundian mereka. Nilai-nilai faedah ini boleh dirujuk sebagai pembangunan, kebajikan, kemudahan, bantuan dan sebagainya. Nilai-nilai faedah merujuk kepada pendekatan pilihan rasional dalam kajian terhadap tingkah laku pengundi. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap ketiga-tiga pendekatan ini, Rajah 1 menunjukkan purata peratusan bagi ketiga-tiga pendekatan tersebut.



Rajah 1 Purata peratusan berdasarkan pendekatan pola pengundian

Berdasarkan kepada pendekatan-pendekatan dalam pola pengundian seperti yang telah dinyatakan, didapati bahawa pola pengundian bagi pendekatan yang berkaitan dengan pilihan rasional sangat relevan dan pengaruhnya juga sangat signifikan dalam aspek pola pengundian di Labuan, berbanding dengan pendekatan identifikasi parti dan pendekatan sosiologikal. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan beberapa aspek yang berkaitan dengan elemen ekonomi dan nilai faedah yang menjadi tunjang dalam pendekatan pilihan rasional (Barry: 1970, Down: 1957, Dorussen & Taylor, 2002). Sebagai contoh, di Labuan isu-isu ekonomi, tuntutan pembangunan Labuan, kepentingan dan taraf hidup masyarakat Labuan, keperluan asas, nilai faedah dan keyakinan terhadap kerajaan dalam pembangunan telah menjadi keutamaan kepada pengundi dalam undian mereka. Hal ini demikian kerana faktor-faktor tersebut dinilai sebagai sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat atau faedah kepada masyarakat atau pengundi di Pulau Labuan. Keadaan ini secara jelas menunjukkan bahawa isu-isu ekonomi dan tuntutan terhadap pembangunan di Labuan dilihat sangat signifikan dan relevan dalam kajian ini. Hal ini disebabkan isu-isu ekonomi seperti kenaikan harga barang, kos hidup, inflasi dan pengangguran dapat memberi kesan langsung kepada pengundi dalam pilihan raya (Abell, 1991 dan Duch & Stevenson, 2008). Begitu juga halnya dengan tuntutan terhadap

pembangunan, keperluan asas dan kepentingan masyarakat di Labuan yang dilihat masih kekurangan dan tuntutan ini sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Labuan. Tuntutan-tuntutan ini adalah penting dan berkait rapat dengan aspek peningkatan taraf hidup yang juga dilihat mempunyai nilai signifikan dalam kajian ini.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa pola pengundian bagi pendekatan identifikasi parti masih relevan dan berpengaruh terhadap pengundian adalah agak baik atau tinggi berbanding dengan pendekatan sosiologikal. Aspek-aspek ini dilihat sangat signifikan dan penting dalam pendekatan identifikasi parti bagi mengenal pasti tahap atau pengaruhnya terhadap pola pengundian oleh pengundi (Riley, 1988, Elcock, 1976, Bowman & Boynton, 1974). Dapatan ini menunjukkan bahawa aspek sokongan padu dan kesetiaan terhadap parti politik bagi pengundi Labuan masih diperlukan dan penting. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi hasil kajian yang secara jelas menunjukkan bahawa nilai kesetiaan dan perasaan terhadap parti politik di Labuan adalah tinggi dan sangat signifikan dengan pola pengundian mereka. Fenomena ini adalah disebabkan oleh proses persekitaran (Riley, 1988), aktiviti-aktiviti kepartian (Belknap & Campbell, 2008), imej yang wujud dalam sesebuah parti politik (Elcock, 1976) dan juga nilai emosi dan perasaan seseorang terhadap sesebuah parti politik (Ghazali, 2006). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pengaruh dan sokongan pengundi berdasarkan pendekatan identifikasi parti adalah sangat jelas, signifikan dan penting semasa proses pilihan raya seperti di Labuan secara khususnya dan Malaysia secara umumnya.

Berdasarkan hasil analisis dan kajian didapati juga pola pengundian bagi pendekatan sosiologikal masih relevan tetapi pengaruhnya terhadap pengundian di Labuan adalah sederhana. Dapatan ini secara jelas menunjukkan tentang pengaruh yang berkaitan dengan persoalan calon, kerajaan, kaum, agama, keluarga dan rakan sebaya kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengundi. Menurut Rush & Althoff (1971) yang berpendapat bahawa pengaruh keluarga penting dalam mempengaruhi sokongan terhadap politik dan ini terbukti apabila hasil

kajian mendapati aspek tahap penyertaan politik yang tinggi menerusi pengaruh keluarga dan pengaruhnya terhadap pola pengundian tetap wujud di Labuan. Begitu juga Verba, Nie & Kim (1987) dan Deverger (1964) yang melihat aspek jantina dan umur sebagai aspek penting dalam kecenderungan politik dan sokongan terhadap sesebuah parti politik serta Bottomore (1979) yang mengaitkan pertubuhan dan kumpulan sosial sebagai pengaruh sosialisasi dalam politik dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa pendekatan sosiologikal ini juga signifikan dalam mengukur tahap sokongan dalam pola pengundian semasa pilihan raya tetapi di Labuan pengaruh menerusi pendekatan ini adalah sederhana tetapi tetap penting dan signifikan.

Rumusan

Sistem politik demokrasi dan amalan pilihan raya adalah penting kepada kestabilan politik. Hal ini demikian kerana pilihan raya memerlukan setiap rakyat terlibat secara langsung dalam pemilihan kerajaan melalui proses pilihan raya yang diadakan. Proses pilihan raya dalam sesebuah negara telah mewujudkan elemen persaingan antara parti-parti politik dan calon-calon yang bertanding. Persaingan ini seharusnya berlandaskan kepada prinsip-prinsip keadilan dan ketelusan bagi memastikan kemenangan tersebut mempunyai legitimasi. Persaingan dalam pilihan raya membolehkan setiap rakyat atau pengundi membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam pengundian mereka semasa pilihan raya. Hal ini disebabkan pertimbangan-pertimbangan dalam proses pengundian boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor dalam pendekatan tingkah laku pengundi seperti pilihan rasional, identifikasi parti dan sosiologikal baik di Malaysia amnya dan di Labuan khususnya. Pengundi kini lebih matang dan bermaklumat dalam tindak balas politik serta kesannya terhadap tingkah laku pengundian mereka semasa pilihan raya. Oleh itu, sistem demokrasi seharusnya berlandaskan kepada kematangan berpolitik yang akhirnya dapat memberi kebaikan dan nilai tambah kepada negara dan rakyat.

Rujukan

- Abell P. (1991). *Rational choice theory*. London: Edward Elgar Publishing Limited.
- Abramson P, J. Aldrich & D. W. Rohde. (1982). *Change and continuity in the 1980 elections*. Washington: CQ Press.
- Alvarez, R.M, Nagler, J & Willette, J.R. (2000). Measuring the relative impact of issues and the economy in democratic elections. *Electoral Studies An International Journal*, 19(2/3): 237-253.
- Anderson, C.J. (1996). Economics, politics, and foreigners: Populist party support in Denmark and Norway. *Electoral Studies an International Journal*, 15(4): 497-511.
- Anderson, C.J. (2000). Economic voting and political context: A comparative perspective. *Electoral Studies an International Journal*, 19(2/3): 151-170.
- Ariff Budiman. (1978). *Politik darurat*. Kuala Lumpur: Ek-Ekwan Enterprise.
- Barbrook, A. (1975). *Patterns of political behaviour*. London: Martin Roberson & Co. Ltd.
- Barrie, A. & Gary Browning. (1997). *Politics: An introduction*. London: Routledge.
- Barry, B. (1970). *Sociologists, economists and democracy*. London: The MacMillan Company.
- Bottomore, T. (1979). *Political sociology*. London: Hutchinson & Co. Publishers Ltd.
- Bowman, L. & Boynton, G. (1974). *Political behavior & public opinion: Comparative analyses*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Budge, I, Farlie, D. & Laver, M. (1983). What is a 'rational' choice?: Shifts of meaning within explanations of voting and party competition. *Electoral Studies an International Journal*, 2 (1): 23-38.
- Campbell, A, Converse, P, Miller, W. & Stokes, D. (1966). *Elections and the political order*. New York: John Wiley and Sons Inc.
- Colomer, J.M. (1991). Benefits and costs of voting. *Electoral Studies an International Journal*, 10(4): 313-325.
- Crewe, I. (1992). Changing voter and unchanging voters. *Electoral Studies an International Journal*, 11(4): 335-345.
- Curtice, J. (2002). The states of election studies: Mid-Life Crisis or new youth. *Electoral Studies an International Journal*, 21(1): 161-168.
- Deverger M. (1964). *Political parties*. Lowe & Brydone: London.
- Dewan Masyarakat. (2008). *Edisi Khas PRU ke-12*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dorussen H & Taylor M. (2002). *Economic voting*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Downs. (1957). Dlm. Ghazali Mayudin (ed.). *Demokrasi & Pilihanraya di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

- Duch R.M. & Stevensen R.T. (2008). *The economic vote: How political & economic institutions condition election results*. London.
- Elcock, H. (1976). *Political Behaviour*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Falter, J. W & Rattinger, H. (1982). Parties, candidates and issues in the German Federal Election of 1980: An application of normal vote analysis. *Electoral Studies An.*, 1 (1): 65-94.
- Fernando, J. (2011). Pola pengundian dan isu-isu dalam pilihanraya umum Malaysia Ke-12. Dlm. Fernando J., Zulkarnain & Suffian (ed.). *Pilihanraya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Flanigan, W. & Zingale, N. (1975). *Political behavior of the American electorate*. Boston: Allyn and Bacon Inc.
- Forrest, J. Pattie, C.J. & Johnston, R.J. (1995). Continuity or change? The geography of the labour vote at the New Zealand General Election of 1990. *Electoral Studies An International Journal*. 14(1): 47-66.
- Franklin, M.N. (1985). Assessing the rise of issues voting in British elections since 1964. *Electoral Studies an International Journal*, 4(1): 37-56.
- Ghazali Mayudin. (2006). Demokrasi dan pilihanraya di Malaysia. Dlm. Gazali, Jamaie, Sity & Zaini.(ed.). *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Gomez, E.T. (1990). *Politik dalam perniagaan: Pelaburan korporat UMNO* (Terj. Mohd. Nazari Ismail). Kuala Lumpur: FORUM Enterprise.
- Grunberg, G. (1988). Recent developments in French Electoral Sociology. *Electoral Studies an International Journal*, 7(1): 3-14.
- Hayes, B.C. (1997). Gender, feminism and electoral behaviour in Britain. *Electoral Studies an International Journal*, 16(2): 203-216.
- Holm, D.J. (1986). Party and policy in voter choice: A study of reinforcement. *Electoral Studies an International Journal*, 5(1): 47-60.
- Labuan. (2007). Annual Report 2007 Labuan Offshore Finance Services Authority Malaysia (LOFSA).
- Labuan. (2007). Laporan Tahunan Perbadanan Labuan.
- Labuan. (2008). Laporan Tahunan Perbadanan Labuan.
- Malaysia. (2011). *Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- McDonald, A. (1965). *Politik a study of control behavior*. New Jersey: Rotgers University Press.
- Miller. (1986). Partisanship and party identification, government and opposition. *Electoral Studies an International Journal*, 8(1): 31-46.
- Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad. (2002). *Politik baru dalam pilihanraya umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Napoliton J. (1972). *The election game and how to win*. New York: Doubleday & Company.

- Neuman W.L. (1991). *Social research method: Qualitative and quantitative*. Boston: Allyn & Bacon.
- Niemi, R. & Weisberg, H. (1976). *Controversies in American voting behavior*. San Francisco: W.H Freeman & Company.
- Pattie, C.J, Fieldhouse, E.A & Johnston, R.J. (1995). Individual cote choices and constituency economic conditions at the 1992 British General Election. *Electoral Studies An International Journal*, 14(4): 399-415.
- Riley, M. (1988). *Power, politics and voting behaviour*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Rizal & Jumaat. (2002). Politik etnik & perkembangan politik baru. Dlm. *Politik Baru Dalam Pilihanraya Umum*. Bangi: Penerbit UKM.
- Roskin, Michael. (2000). *Political science: An introduction*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Rush, M & Althoff, P. (1971). *An introduction to political sociology*. Bristol: Western Printing Services Ltd.
- Segall M.H. (1976). *Human behavior and public policy*. New York: Pergamon Press Inc.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1955-2008*. Pelbagai Isu & Tahun Pilihanraya. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Triling, R.J. (1976). *Party image and electoral behavior*. New York: A Wiley-Interscience Publication.
- Verba, S., Nie, N.H & Jae-on Kim. (1978). *Participation and political equality*. London: Cambridge University Press.
- Zainal Keling. (2008). *Evolusi yang kejam*. Dlm. Dewan Masyarakat. Edisi Khas PRU Ke-12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zainuddin Mahmud. (2008). *Gelombang kuasa pengundi*. Dlm. Dewan Masyarakat. Edisi Khas PRU Ke-12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.